

02/07/2003

Setuju guna dinar emas (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Penggunaan dinar emas dalam urusan perdagangan antarabangsa, yang dicadangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka bermula akhir tahun ini antara Malaysia dengan Iran.

Perdana Menteri berkata, jika kaedah urus niaga antara kedua-dua negara itu terbukti berjaya, ia akan diperluaskan ke negara lain terutama yang mempunyai perjanjian pembayaran dua hala (BPA) dengan Kuala Lumpur.

Dr Mahathir berkata, banyak lagi negara, terutama negara Arab menyatakan minat untuk menggunakan mekanisma yang sama tetapi keputusan untuk berbuat demikian mengambil masa termasuk terpaksa melalui prosedur tertentu perbankan.

Beliau, yang juga Menteri Kewangan percaya, penggunaan dinar emas dalam urus niaga antarabangsa boleh dilaksanakan berikutan minat banyak negara ke atas syor Malaysia berikutan krisis kewangan serantau pada 1997/1998 itu.

"Malah saya juga tidak dengar sebarang bantahan Amerika, saya tidak fikir akan ada bantahan. Ini kerana dinar emas adalah sama dengan standard emas yang digunakan dalam Perjanjian Bretton Woods," katanya.

Dr Mahathir memberitahu pemberita demikian selepas menyampaikan ucapan pada Konvensyen Antarabangsa Mengenai Dinar Emas sebagai Mata Wang Antarabangsa Alternatif anjuran Dewan Perniagaan Islam Malaysia cawangan Kuala Lumpur (DPIMKL) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) semalam.

Penggunaan dinar emas disyorkan oleh Dr Mahathir pada 2001 sebagai mata wang pilihan dalam pembayaran, sekali gus mengelakkan mata wang digunakan sebagai komoditi yang diperniagakan sehingga menjejaskan ekonomi sesebuah negara seperti berlaku ketika krisis kewangan pada 1997/1998.

Sehingga 1971, sistem kewangan dunia adalah berasaskan model Bretton Woods iaitu mata wang sesebuah negara dinilai berdasarkan rizab emas yang disimpan.

Bagaimanapun, sistem itu gagal berikutan langkah AS dan sekutunya membatalkan ikatan itu dengan mencetak lebih banyak wang bagi membiayai ekonominya. Sistem kewangan dunia kemudian ditukar menjadikan wang sebagai komoditi dan nilainya ditentukan berdasarkan rizab mata asing yang disimpan.

Ditanya sejauh mana keupayaan Malaysia untuk memulakan penggunaan dinar emas itu dan sama ada ia dapat dicapai akhir tahun ini, Dr Mahathir

berkata: "Kemungkinan, kita lihat sama ada kita boleh melakukannya dengan Iran."

Beliau berkata, Malaysia bersedia menggunakan dinar emas tetapi negara lain belum lagi kerana mereka tidak memahami konsepnya atau menghadapi masalah membuat keputusan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia boleh meneruskan usaha mempromosikan dinar emas bukan saja dengan negara Islam, terutama ketika Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Negara (OIC) Oktober ini, malah dengan negara bukan Islam.

Katanya, penggunaan dinar emas sebagai satu pilihan menyelesaikan urusan niaga perdagangan boleh digunakan oleh mana-mana negara kerana ia sama dengan perbankan Islam.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata adalah mustahil untuk melihat negara di dunia menggunakan dinar emas untuk perdagangan dalam masa singkat. Ini kerana penggunaan wang seperti dolar Amerika, euro atau yen perlu diteruskan.

"Tetapi negara secara bersama boleh memulakan penggunaan emas dalam bentuk dinar emas untuk menyelesaikan baki pembayaran mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, perjanjian pembayaran dua hala kepada sistem berasaskan emas boleh digunakan dengan menyelesaikan baki perdagangan dalam emas sebagai ganti mata wang asing.

"Tetapi ini boleh menjadi suatu yang menyukarkan. Adalah lebih mudah bagi nota debit dan kredit dibuat mengikut nilai emas. Sekiranya perlu, hanya emas saja yang dipindahkan.

"Dalam sesebuah negara, wang kertas masih boleh digunakan dengan wang ditambah berbanding emas pada kadar yang ditentukan oleh pihak berkuasa. Tetapi pihak berkuasa perlu memberi jaminan bahawa emas boleh dibeli daripada Perbendaharaan pada kadar yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata kelebihan menggunakan emas ialah harganya lebih stabil berbanding mata wang seperti dolar Amerika yang baru-baru ini mengalami penurunan sebanyak 30 peratus berbanding euro.

Katanya, dolar Amerika boleh terus mengalami penurunan nilai tetapi tidak untuk emas kerana ia adalah logam yang boleh digunakan untuk tujuan lain selain syiling.

"Turun naik harga emas dalam mana-mana mata wang akan agak terhad. Dengan itu, emas adalah mata wang yang lebih stabil," katanya.